

## **BAB V**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

#### **5.1 Kesimpulan**

Harta sepencarian adalah suatu istilah yang dikenal dalam konsep kepemilikan harta antara pasangan suami isteri. Mengikut amalan di rantau ini, ia boleh dituntut apabila berpisah kerana perceraian hidup seperti fasakh, talak, li'an dan lain sebagainnya, atau mati salah seorang atau semasa tempoh perkahwinan misalnya, suami berpoligami, maka pasangan dianggap mempunyai hak untuk menuntut harta yang dimiliki oleh pasangannya selama dalam tempoh perkahwinan sebagai harta sepencarian.

Di Singapura, kes-kes harta sepencarian yang dirujukkan dan dibicarakan di Mahkamah Syariah kebanyakannya melibatkan pembahagian harta sepencarian suami isteri apabila berlaku perceraian. Sebelum pindaan AMLA tahun 1999, tiada peruntukan khas bagi harta sepencarian, tetapi ianya telah dibincangkan seawal berdirinya Mahkamah Syariah.

Harta sepencarian telah dimaktubkan dalam AMLA (Akta Undang-undang Ummat Islam) Singapura 1999. AMLA mentafsirkan harta sepencarian dengan dua tafsiran. Pertama: Harta benda yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri atau yang dimiliki bersama suami isteri sebelum tempoh perkahwinan, dan harta tersebut telah mengalami penambahan nilai selama dalam perkahwinan oleh salah satu pihak atau kedua pihak suami isteri. Kedua: Harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri atau dimiliki bersama oleh keduanya selama tempoh

perkahwinan tetapi tidak termasuk harta (selain rumah suami isteri) yang diperoleh oleh salah satu pasangan secara hadiah atau mendapat warisan dengan syarat bahawa harta tersebut tidak mengalami penambahan nilai yang nyata selama masa perkahwinan oleh salah satu pihak atau keduanya.<sup>1</sup>

Tafsiran AMLA ke atas harta sepencarian ini sangat luas. Ianya merangkumi semua jenis harta yang dimiliki oleh kedua pasangan selama tempoh perkahwinan. Pengecualian hanya berlaku untuk harta yang tidak mengalami penambahan nilai selama dalam ikatan perkahwinan. Tafsiran ini bukan hanya mengiktiraf sumbangan langsung tetapi juga telah mengiktiraf sumbangan tidak langsung pasangan ke atas harta yang dimiliki oleh pasangannya.

Apabila berlaku perceraian, masing-masing pihak menuntut kadar bahagian tertentu daripada harta yang dimiliki bersama atau dimiliki salah satu pasangan atas dasar bahawa mereka mempunyai sumbangan ke atas diperolehinya harta tersebut. Contoh yang biasa didapati dalam kes-kes yang dirujukkan ke Mahkamah Syariah adalah hak ke atas rumah HDB yang biasanya dibeli atas nama suami isteri sesuai dengan syarat yang diletakkan oleh HDB. Sumbangan yang dimaksud adalah sumbangan kewangan ke atas pembelian rumah HDB atau aset hartanah lainnya. Ianya berupa wang pendahuluan, angsuran bulanan dan wang ubahsuai. Dalam banyak kes, wang pendahuluan dan angsuran bulanan dapat dikira dengan tepat kerana biasanya pembayaran rumah HDB dilakukan melalui akaun CPF masing-masing pihak. Tetapi wang ubahsuai selalu dipertikaikan oleh pasangan, kerana

---

<sup>1</sup> AMLA seksyen 52 (14) (a), (b). Harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri sebelum perkahwinan juga tidak termasuk harta sepencarian jika diperoleh dengan cara hadiah atau mendapat warisan dan ianya tidak mengalami penambahan yang nyata selama masa perkahwinan oleh salah satu pihak atau keduanya.

biasanya ianya melibatkan wang tunai dan tidak disertai bukti bertulis, atau resitnya sudah hilang.

Usia perkahwinan yang lama juga menyulitkan penentuan sumbangan kewangan. Ada kalanya, dalam tempoh yang lama, pasangan telah beberapa kali membeli dan menjual rumah HDB mereka. Sebahagian keuntungan penjualan rumah yang lama digunakan untuk membayar wang muka dan ansuran rumah yang baharu. Rekod sumbangan kewangan ke atas rumah lama yang telah dijual kadangkala sulit dicari kembali. Keadaan ini menyukarkan pihak Mahkamah membuat kira-kira yang tepat berkaitan dengan sumbangan kewangan masing-masing pihak.

Percampuran harta antara suami isteri dalam pembelian rumah HDB adalah perkara yang tidak dapat dielakkan lagi, utamanya setelah pihak isteri ikut keluar bekerja dan mempunyai penghasilan tersendiri. Maka rumah yang asalnya menjadi tanggungjawab pihak suami ke atas keluarga, pihak isteri ikut menyumbang kepada pembelian dan angsuran bulanannya. Percampuran ini juga menjadi kelaziman, kerana pihak HDB mewajibkan setiap rumah HDB dimiliki oleh dua orang ahli keluarga. Keduanya biasanya adalah pasangan suami isteri. Akad jual beli yang dilakukan oleh pasangan suami isteri dengan pihak HDB dikenal sebagai akad *joint tenancy*.

*Joint tenancy* memberikan maksud bahawa penama pertama dan penama kedua mempunyai hak milik yang sama ke atas rumah tersebut. Jika salah satu pasangan meninggal dunia, pihak yang masih hidup berhak memiliki keseluruhan rumah tersebut. Kadar kepemilikan 50:50 ini tidak terpengaruh dengan kadar

kewangan yang disumbangkan oleh masing-masing pihak ke atas pembeliannya. Ertinya, bahawa walaupun pihak yang satu lebih banyak menyumbang atau hanya satu pihak yang membayar ke atas pembelian rumah tersebut, tetap sahaja pihak yang menyumbang sedikit atau tidak menyumbang mempunyai kepemilikan 50:50.

Kes-kes seperti ini, yang kadang menimbulkan pertentangan antara kedua belah pihak semasa perbincangan di Mahkamah. Kerana secara logiknya bahawa pihak yang banyak menyumbang mendapatkan hak yang lebih banyak. Pihak yang tidak menyumbang, tidak berhak mendapatkan apa-apa atau diberikan hak sedikit sebagai 'ihsan'.

Jika masing-masing pihak menyumbang dari segi kewangan ke atas pembelian dan pembayaran angsuran bulanan ke atas rumah tersebut, maka akad *joint tenancy* yang dilakukan oleh suami isteri dengan pihak HDB, lebih dekat dengan akad *syarikah amlāk* dalam muamalah Islam. Keduanya mempunyai persamaan dari segi bahawa masing-masing pihak adalah individu yang berbeza, kedua belah pihak tidak mempunyai kuasa wakil antara satu dengan yang lainnya. Harta keduanya telah bercampur, baik secara sengaja atau tidak, baik secara sukarela atau terpaksa. Adakalanya kadar kepemilikan masing-masing pihak tidak dapat dipastikan.

Perbezaan kedua akad tersebut terletak pada syarat yang ada dalam akad *joint tenancy*, bahawa jika salah satu pihak meninggal maka pihak yang masih hidup menjadi pemilik penuh ke atas rumah tersebut. Lembaga fatwa MUIS telah menyatakan bahawa akad *joint tenancy* adalah sah, sementara syarat kepemilikan mutlak salah satu pasangan ke atas harta tersebut jika berlaku kematian adalah batal.

Berarti pihak yang masih hidup mempunyai hak hanya 50% daripadanya, sedangkan yang separuhnya dibahagikan mengikut hukum faraid kepada ahli waris.<sup>2</sup>

Huraian bagi harta yang telah bercampur dan tidak dapat dibezakan lagi kadar sumbangan kewangan masing-masing pihak adalah dengan cara berdamai dan dibahagikan harta tersebut sesuai dengan kesepakatan bersama. Biasanya pasangan bersetuju untuk membahagikan keuntungan daripada penjualan rumah HDB sama banyak iaitu 50:50. Persetujuan ini sesuai dengan akad *joint tenancy* yang telah disepakati oleh kedua belah pihak ketika mereka berakad membeli rumah. Jika mereka tidak bersetuju untuk berdamai, --dan kes-kes sedemikianlah yang dibawa ke perbicaraan di Mahkamah, fiqh klasik memberikan huraian dengan mengangkat sumpah dan harta dibahagi menjadi dua. Kerana tiada bukti penguat bahawa salah satu dari keduanya mempunyai hak lebih banyak daripada yang lainnya. Pendekatan huraian ini diambil daripada konsep harta *musyā'*. Sedangkan Mahkamah lebih memilih pendekatan *maṣlahah* dan kebijakan masing-masing pihak serta faktor-faktor lain yang dianggap penting demi mewujudkan rasa keadilan di antara pihak-pihak yang bertikai.

Sumbangan kewangan bukan lagi sebagai satu-satunya sebab ke atas sabitnya tuntutan harta sepencarian, di sana ada faktor-faktor lain yang diiktiraf oleh Mahkamah yang ikut memberikan pengaruh dalam pensabitan tuntutan harta sepencarian. Di antara faktor tersebut adalah sumbangan tidak langsung pasangan ke atas harta yang dimiliki oleh pasangannya selama tempoh perkahwinan. Dengan

---

<sup>2</sup> MUIS (1998), *Kumpulan Fatwa 3*, MUIS, h. 38

diiktirafnya sumbangan tidak langsung, meluas juga tuntutan ke atas harta sepencarian, dan hampir boleh dikatakan bahawa semua harta yang diperolehi dan dimiliki oleh pasangan termasuk sebagai harta sepencarian, kerana walau bagaimanapun setiap pasangan memberikan sumbangan ke atasnya samada secara langsung atau tidak langsung; kewangan atau bukan kewangan.

Sumbangan tidak langsung pihak isterilah yang biasanya ditimbulkan di Mahkamah berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian. Sementara sumbangan tidak langsung pihak suami jarang ditimbulkan walaupun ianya juga diiktifar oleh Mahkamah. Sumbangan jenis ini sangat menentukan dalam keadaan isteri yang tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa, sementara pihak suami bekerja mencari nafkah keluarga dan menghasilkan harta dan aset. Ketika berlaku perceraian, sudah pasti pihak isteri tidak memberikan sumbangan kewangan ke atas perolehan harta yang dimiliki oleh suaminya, kerana tidak bekerja dan tidak mempunyai sumber kewangan. Akhirnya, pihak isteri mendapati dirinya tidak mempunyai aset apapun setelah menjalani hidup bertahun-tahun dengan pihak suami, sementara itu pihak suami menikmati aset kewangan yang melimpah.

Sumbangan tidak langsung pihak isteri dan khidmatnya menjadi suri rumah, tambah tinggi nilainya dalam dunia moden sekarang ini. Wanita telah menjadi sebahagian daripada aset sumber daya ekonomi dan ikut terlibat dalam dunia pekerjaan. Khidmat pihak isteri telah mula dikaitkan dengan upah dan gaji. Jika setiap hari khidmat tersebut dinilai dengan benda dan wang, berarti sudah tidak terhitung banyaknya sumbangan kewangan pihak isteri ke atas keluarga. Dan berarti juga bahawa ada sumbangan kewangan daripada pihak isteri ke atas harta yang dimiliki

oleh pihak suami daripada upah yang dijangkakan diperoleh oleh pihak isteri sebagai suri rumah dan menjaga kebajikan keluarga.

Di antara jenis harta yang selalunya merupakan hasil usaha persendirian pasangan adalah wang CPF; akaun simpanan persendirian; simpanan tetap; pelaburan; wang pencen; harta tanah atas nama tunggal dan beberapa instrumen kewangan lainnya. Pihak yang tidak ikut menyumbang secara langsung dianggap mempunyai hak ke atas harta yang dimiliki oleh pasangannya dengan usaha tunggal. Tapi benarkah bahawa hak pasangan ke atas harta yang dimiliki oleh pasangannya dengan usaha tunggal boleh sabit hanya dengan sumbangan tidak langsung yang tidak memberikan pengaruh secara langsung ke atas perolehan harta tersebut?

Perkara ini yang masih menjadi keragu-raguan dalam beberapa keputusan berkaitan tuntutan ke atas harta sepencarian yang sabit dengan sebab sumbangan tidak langsung. Dikhawatirkan adanya unsur mengambil harta orang lain dengan cara batil dan tanpa hak. Apalagi bahawa Islam menghormati hak milik individu. Islam juga telah mengatur cara-cara yang sah untuk mendapat dan memiliki harta.

Contoh yang biasa berlaku adalah tuntutan pihak isteri ke atas wang CPF yang dimiliki oleh suaminya. Mengikut tafsiran AMLA, tidak syak lagi bahawa wang CPF adalah bahagian daripada harta sepencarian selagimana ianya dikumpulkan selama dalam tempoh perkahwinan. Walaupun demikian, Mahkamah Syariah mengambil sikap berhati-hati berkaitan dengan semua jenis aset salah satu pasangan yang dihasilkan daripada usaha tunggal. Termasuk juga tuntutan ke atas wang CPF.

Dalam banyak kes, pihak Mahkamah lebih memilih untuk tidak mengabulkan tuntutan isteri ke atas wang CPF suami. Mahkamah melihat bahawa wang CPF adalah untuk tujuan persaraan dan ianya adalah murni dikumpulkan daripada hasil usaha tunggalnya. Pihak isteri tidak memberikan penanan secara langsung ke atas terkumpulnya wang tersebut. Oleh itu jika pihak isteri mempunyai wang CPFnya sendiri atau usia perkahwinan kurang daripada 10 tahun, maka tuntutan ke atas wang CPF suami ditolak oleh pihak Mahkamah. Kerumitan undang-undang CPF juga menjadi salah satu sebabnya. Pihak Mahkamah seboleh mungkin tidak mau menyentuh wang CPF dalam tuntutan harta sepencarian.

Sementara itu, Lembaga Rayuan lebih memberikan fokus kepada tafsiran AMLA ke atas harta sepencarian. Lembaga mendapati bahawa tafsiran AMLA ke atas harta sepencarian merangkumi semua aset yang diperolehi dan dimiliki oleh salah satu pasangan jika terbukti bahawa harta tersebut dihasilkan dalam tempoh perkahwinan. Dan wang CPF termasuk di dalamnya. Oleh yang demikian, jika kes tuntutan wang CPF yang ditolak oleh Mahkamah Syariah dirujukkan ke Lembaga Rayuan, Lembaga Rayuan mengabulkan tuntutan tersebut, walaupun kadar bahagian yang diberikan kepada pihak isteri bergantung kepada faktor-faktor lain yang berada disebalik kes tersebut. Faktor usia perkahwinan; keadaan kewangan dan wang CPF isteri juga menjadi pertimbangan Lembaga ketika menentukan kadar bahagian yang berhak diterima oleh pihak isteri daripada wang CPF suami.

Walaupun tiada kes tuntutan daripada pihak suami ke atas wang CPF isteri, tetapi pihak Lembaga menegaskan bahawa pihak suami berhak menuntut wang CPF isteri. Indikasi ini menunjukkan bahawa, pada kebiasaannya keadaan kewangan dan

CPF pihak suami lebih baik dibandingkan dengan keadaan kewangan pihak isteri. Oleh itu, pihak suami merasa tidak perlu menuntut wang CPF isteri walaupun ia berhak untuk berbuat demikian.

Semakin meningkatnya taraf hidup dan kedudukan ekonomi pasangan suami isteri, semakin beragam juga aset yang dimiliki. Sudah tentu tuntutan ke atas harta sepencarian juga semakin banyak dan mencabar. Bagi memudahkan penilaian dan penentuan kadar yang diperoleh oleh masing-masing pasangan, pihak Mahkamah menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan bersepakat. Mahkamah membahagikan harta keduanya kepada dua bahagian. Pertama adalah aset yang dimiliki bersama dengan usaha sama daripada kedua belah pihak. Kedua adalah aset yang dimiliki oleh salah satu pasangan dengan usaha tunggalnya.

Bagi aset yang dimiliki bersama dengan usaha sama kedua belah pihak atau setiap pasangan memberikan sumbangan kewangan ke atasnya, maka kadar bahagian masing-masing pihak bergantung banyak kepada keadaan kes tersebut. Banyak faktor yang diambil kira oleh pihak Mahkamah sebelum sampai kepada penentuan kadarnya. Sementara bagi aset yang dimiliki oleh salah satu pasangan dan dihasilkan oleh usaha tunggalnya, maka biasanya kadar bahagian yang diberikan kepada pasangannya adalah berkisar dalam 25%.

## **5.2 Saranan**

Harta sepencarian adalah adat yang berkembang dalam masyarakat Asia Tenggara dan Melayu Islam khasnya. Adat ini telah diserapkan dalam undang-undang Islam. Kajian yang menyeluruh daripada aspek asas-asas hukum Islam ke atas harta

sepencarian perlu dilakukan utamanya di Singapura untuk memastikan bahawa ianya tidak bertentangan dengan kaedah-kaedah umum dalam Islam tetapi memenuhi kehendak semasa dan tuntutan *maqāsid syar‘īyyah*.

Dengan kajian yang lebih menyeluruh ke atas situasi dan kondisi masyarakat, struktur keluarga dan kedudukan kewangan individu dan keluarga di Singapura, diharapkan ianya akan membantu menghuraikan isu harta sepencarian dengan lebih seksama lagi sesuai dengan keperluan masing-masing pihak yang secara langsung mengalami kesan daripada pembahagian harta ini.

Seperkara yang rasanya perlu difikirkan lagi adalah pemisahan antara sumbangan langsung dan tidak langsung dalam harta sepencarian. Sumbangan langsung adalah jelas dan memberikan kesan secara langsung ke atas perolehan harta. Ianya biasanya berupa sumbangan kewangan, hartanah, tenaga, pengurusan, atau penggunaan nama salah satu pasangan dalam pembelian harta seperti yang biasa dilakukan oleh suami isteri bagi pembelian rumah HDB. Oleh itu memang sepatutnya pasangan mendapatkan bahagian tertentu daripada sumbangan langsung ini. Kadar bahagian harta sepencarian masing-masing pihak sepatutnya bersumber daripada sumbangan langsung, jika sumbangannya besar ke atas perolehan harta pasangan, maka besar pula bahagian yang diperolehinya, sebaliknya begitu juga berlaku jika sumbangannya kecil.

Sementara sumbangan tidak langsung adalah bersifat subjektif dan tidak dapat dinilai. Bahkan ianya tidak berpengaruh secara langsung ke atas perolehan harta seseorang. Sumbangan ini biasanya berupa sumbangan moril, mengurus rumah dan

anak-anak, melayan dengan baik pasangan dan memberikan ketenangan dan ketenteraman ke atas pasangan masing-masing. Tidak dapat dinafikan bahawa perkara di atas memberikan sedikit banyak kesan ke atas seseorang dalam hidupnya, tetapi ianya adalah merupakan unsur semula jadi kehidupan suami isteri yang bersifat tolong menolong, saling memberi kedamaian dan perlindungan satu ke atas yang lain selama dalam ikatan perkahwinan.

Oleh yang demikian sebaiknya sumbangan jenis ini tidak dimasukkan dalam tafsiran perkara-perkara yang mempengaruhi sabitnya hak harta sepencarian masing-masing pihak suami isteri. Untuk keperluan bagi mengiktiraf sumbangan moril dan tidak langsung isteri ke atas suami dan perolehan harta yang dimilikinya, Islam telah mewajibkan ke atas suami untuk isteri yang diceraikannya berupa mut‘ah. Jika dirasa wang mut‘ah yang diperoleh oleh pihak isteri ketika berlaku perceraian dengan suaminya tidak mencukupi bagi keperluan mengharungi kehidupan selepas bercerai, lebih baik naikkan nilai mut‘ahnya.

Sebab mut‘ah adalah sejumlah wang saguhati yang wajib diberikan oleh suami ke atas isterinya ketika berlaku perceraian. Besar-kecilnya mut‘ah bergantung kepada keupayaan suami, keperluan isteri dan kebijaksanaan hakim jika tidak diperolehi kesepakatan berkaitan besarnya kadar mut‘ah. Daripada mencari cara lain yang masih diragukan kekuahan dalil dan asas syariahnya bagi mengiktiraf segala sumbangan isteri --seperti memperkenalkan sumbangan tidak langsung harta sepencarian, lebih baik memanfaatkan sebaik yang boleh fungsi dan peranan mut‘ah yang memang sedia ada sabit dalam undang-undang keluarga Islam. Sehingga tidak ada keragu-raguan lagi bagi berbagai pihak untuk memberikan hak yang munasabah

dan bersesuaian bagi keperluan pihak isteri untuk mengharungi cabaran kehidupan masa kini yang sememangnya sangat mencabar. *Wallāhu a'lam*